

DUNIA ADALAH NEGERI UJIAN

Oleh: Nurnajiha binti Tugimat, 1171753,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.
Disiarkan pada 23 July 2020



Sesungguhnya, orang-orang mukmin akan sentiasa diuji oleh Allah SWT dengan bermacam-macam ujian dalam kehidupannya di dunia untuk mengukur sejauh mana dalamnya keimanan mereka.

Allah SWT menguji manusia dengan segala kebaikan dan keburukan yang telah Dia tentukan untuk setiap hamba-Nya.

Berkait rapat dengan perkara ini adalah Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelum kamu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-selamanya? Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.”* (Surah al-Anbiya’:34-35)

Sheikh an-Nursi pula menuturkan, *“Kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah rumah persinggahan bagi tetamu. Manusia singgah di sana untuk waktu singkat dengan membawa beban berat pelbagai kewajipan. Oleh sebab itu, sibukkanlah diri kamu dengan menyiapkan hal-hal yang diperlukan sebagai persiapan menuju kehidupan abadi.”*

Oleh itu, sudah menjadi kewajipan bagi setiap insan untuk sentiasa bermuhasabah diri dan berpegang teguh kepada agama Allah SWT dalam menghadapi segala bentuk ujian dan rintangan yang tidak terduga di atas muka bumi ini.



Manusia diuji berdasarkan kemampuan yang mereka miliki. Allah SWT menguji hamba-hamba-Nya untuk menilai sejauh mana iman mereka tatkala dirundung dan dihimpit kesulitan dalam kehidupan.

Adakah mereka masih berpegang teguh kepada Allah SWT dan beriman kepada-Nya? Atau barangkali mereka hanyut dan terumbang-ambing mengikut hawa nafsu yang mencengkam jiwa mereka?

Agar kita sentiasa tabah dan kuat dalam menghadapi segala ujian setiap kali ditimpa ujian dan musibah dalam kehidupan, adalah wajib bagi golongan Muslim sentiasa mengimani takdir yang ditentukan oleh Allah SWT.

Ingatlah bahawa sesuatu yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT pasti akan berlaku. Nabi SAW bersabda: *“Allah telah mencatatkan takdir bagi setiap makhluk sejak 50,000 tahun sebelum penciptaan langit dan bumi.”* (Hadis riwayat Muslim, 2653)

Ibnul Qayyim menyatakan dalam Al-Fawa'id, *“Landasan setiap kebaikan adalah jika engkau tahu bahwa setiap yang Allah SWT kehendaki pasti akan terjadi dan setiap yang tidak Allah SWT kehendaki pasti tidak akan terjadi.”*

Hadapi cubaan dengan sifat sabar iaitu menahan hati dan lisan daripada berkeluh-kesah serta tidak bersikap emosional.

Ali bin Abi Talib r. a. mengatakan, *“Sabar dan iman bagaikan kepala pada jasad manusia. Oleh sebab itu, sekiranya seseorang tidak memiliki sifat sabar dalam dirinya, dia dikatakan tidak beriman dengan iman yang sempurna.”*



Setiap Muslim hendaklah yakin dan percaya bahawa setiap perkara yang Allah SWT kehendaki pasti ada hikmah di sebaliknya serta meyakini bahawa di sebalik kesulitan pasti ada kemudahan.

Hal ini bertetapan dengan firman Allah SWT yang bermaksud, *“Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.”* (Surah Al-Syahr:5)

Sesungguhnya, kehidupan di dunia ini diciptakan oleh Allah sebagai medan ujian dan medium pembersihan jiwa dan raga buat setiap hamba-Nya.